

**KECELAKAAN JALANRAYA YANG PALING BANYAK MERAGUT NYAWA.  
PENUNGGANG MOTOSIKAL ADALAH PENYUMBANG UTAMA  
PENYEBAB KECELAKAAN JALANRAYA:  
SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK**

**FAIZULHALIMI BIN MOHD YUNUS  
SHAHARUL NIZAM BIN ABDUL HAMID  
MOHD NOOR BIN MOHD RASHID  
AZMI BIN ABU HASSAN**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK**

**1999**

## PENGHARGAAN

Bismillah-hir-Rahman-nir-Rahim

Kami panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan limpah kurnia dan keizinan – Nya jua kami berupaya menyempurnakan kajian ini walaupun dalam serba kepayahan dan kesusahan yang amat perit semata-mata untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA.

Sehubungan dengan itu, seuntai penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas untuk pensyarah kami, Encik Mohd Fauzi Bin Mohd Harun, S. Econ (UKM) yang banyak memberi dorongan, nasihat, tunjuk ajar dan pandangan bagi menyiapkan kajian ini.

Begitu juga dengan Pegawai Turus Trafik Negeri Perak DSP Hj. Hamza b. Taib, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak Dato' Jamaluddin Al-Amini b. Hj. Ahmad , Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Dato' (IR) I. Dorairajoo, Anggota Bahagian Pentadbiran Ibupejabat Polis Kontinjen Perak L/KPL 125655 Zolkaranin b. Saleh dan juga keluarga tersayang kerana telah sudi menghulurkan sokongan dan kerjasama yang erat terutama dalam memberikan kebenaran kepada kami untuk merujuk maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

### **SINOPSIS**

Kadar kemalangan jalanraya di Malaysia amat membimbangkan. Biarpun dengan usaha yang berterusan, dikaji dari perangkaan kecelakaan yang kian meningkat, kemalangan jalanraya masih merupakan punca utama kematian, kecederaan dan juga kehilangan harta benda. Sungguhpun matlamat penguatkuasaan undang-undang adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kematian sebanyak 30% menjelang tahun 2000, pertambahan bilangan kenderaan di jalanraya merupakan faktor utama menghalang tercapainya objektif tersebut. Mendidik pengguna jalanraya agar lebih peka terhadap keselamatan jalanraya masih menjadi strategi utama pelbagai jabatan kerajaan dan agensi untuk membendung masalah ini. Ke arah matlamat itu, semua agensi berkenaan melipatgandakan penguatkuasaan undang-undang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bertujuan menyemai rasa tanggungjawab dan kesedaran melalui kempen serta denda yang lebih tinggi terhadap mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan lalulintas.

Kajian ini akan membantu mengenalpasti bahawa kecelakaan jalanraya adalah salah satu, kalau pun tidak penyebab utama kematian di negara ini. Adalah diharapkan perbincangan yang diunjurkan akan membantu menjana ide-ide untuk mencari kaedah-kaedah dalam meningkatkan tahap keselamatan di jalanraya di negara ini.

## **KANDUNGAN**

### **HALAMAN**

Halaman Judul	I
Pengakuan	II
Penghargaan	III
Sinopsis	IV
Abstract	V
Kandungan	VI
Isi Kandungan	VII
Senarai Jadual	VIII
Senarai Carta	IX
Senarai Lampiran	X


## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Pengenalan Dan Penyataan Masalah

Malaysia dengan penduduk seramai lebih kurang 22 juta orang, mempunyai jalan berturap sepanjang 63,382 km. Jumlah kenderaan bermotor yang berdaftar sehingga 31 Disember 1998 adalah sebanyak 9,141,357 buah. Dari jumlah tersebut sebanyak 599,149 buah adalah kenderaan barangan, 45,643 buah bas, 54,590 teksi, 10,042 kereta sewa pandu sendiri, 3,452,852 motokar, 692,183 motosikal dan 286,898,51 adalah lain-lain kenderaan.

Carta 1.1 : Jumlah Kenderaan Bermotor Yang Berdaftar 1997



Sumber : Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia